

Inspirasi Kepimpinan Anak Kedah:

KAKUSMA & Dato' Seri Diraja
Mahdzir Khalid Warnai Bicara
Alumni@USM

Kumpulan Anak-Anak Kedah USM (KAKUSMA) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Alumni telah menganjurkan program Bicara Alumni @ USM yang menampilkan Dato' Seri Diraja Mahdzir Khalid, alumni USM tahun 1984 dan Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan Darul Aman. Program berlangsung di Balai Pase'ban Agung, Pusat Pengajian Seni dan dihadiri oleh mahasiswa anak Kedah serta barisan kepimpinan universiti, termasuk Naib Canselor USM, Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed.



Forum utama yang dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Mohd Shaharudin Samsurijan menampilkan perkongsian daripada Dato' Seri Diraja Mahdzir Khalid dan Dato' Muhamad Khizri Abu Kassim yang juga merupakan Ahli Lembaga Gabenor USM. Perbincangan memberi penekanan kepada peranan mahasiswa sebagai pemimpin masa depan yang berilmu, berfikiran kritis dan peka terhadap isu-isu semasa. Program ini turut memperlihatkan sokongan padu daripada pimpinan universiti serta alumni dalam memperkasa komuniti mahasiswa Kedah di USM.



Yang Dipertua KAKUSMA, Saudara Muhamad Farhan Muhamad Hafizal menekankan komitmen untuk membina hubungan yang lebih erat antara pelajar dan alumni melalui pelbagai inisiatif kebajikan dan intelektual. Program ini turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti SDG 4 (Kualiti Pendidikan), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamarataan) dan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat) ke arah melahirkan mahasiswa yang cakna dan bersedia menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.





☆ **Mesyuarat Penyelarasan Program/Aktiviti Alumni Peringkat Kampus Kejuruteraan dan Perbincangan mengenai Pengemaskinian Data / Sistem We Lead ADC bersama Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) USM Kejuruteraan** ☆

Mesyuarat Penyelarasan Program dan Aktiviti Alumni Peringkat Kampus Kejuruteraan telah berlangsung dengan penuh komitmen melibatkan kehadiran Pengarah Kampus Kejuruteraan serta Alumni Ambassador dari pelbagai pusat pengajian. Mesyuarat ini menjadi platform penting dalam merangka pelan tindakan strategik berkaitan penglibatan alumni, termasuk perbincangan menyeluruh mengenai garis panduan pengurusan alumni, penajaan kewangan serta pemantapan hubungan antara pelajar, alumni dan pihak industri.

Objektif Program



Menyeragamkan pelaksanaan program alumni di Kampus Kejuruteraan melalui perbincangan bersama pihak pentadbiran dan wakil alumni ambassador



Membina strategi penajaan kewangan alumni yang mampan dan berstruktur bagi menyokong inisiatif pembangunan komuniti alumni.



Mengemaskini sistem data dan maklumat alumni melalui kolaborasi dengan PPKT untuk memastikan rekod yang kemas, tepat dan bersepadu.



Menguatkan hubungan tiga hala antara pelajar, alumni dan industri dalam usaha memperluas jaringan kerjasama strategik.



Meningkatkan penglibatan Alumni Ambassador dalam penyelarasan dan pelaksanaan program kampus.



Pada sebelah petang, sesi diteruskan dengan perbincangan pengemaskinian sistem We Lead ADC bersama Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT) USM Kejuruteraan. Usaha ini merupakan langkah ke hadapan dalam memperkukuh sistem penyimpanan dan pengurusan data alumni yang lebih sistematik dan bersepadu, demi menyokong misi jangka panjang Pusat Pembangunan Alumni (ADC) dalam memperkasa komuniti alumni universiti.



Editor: Suraya Shazlin
Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha